

Program Berasaskan Kemahiran Untuk Jurujual & Usahawan Pelbagai Industri



PROGRAM PENSIJILAN JURUJUAL PROFESIONAL

Certified Sales Professional Program (CSPP)



IIUM CENTRE FOR CONTINUING EDUCATION

Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Senario **Kejurujualan** di Malaysia

Kita terpaksa menerima hakikat bahawa tahap kejurujualan masih rendah di negara kita. Jurujual dan usahawan tidak berupaya mempelbagaikan cara menjual kerana kekurangan latihan dan tiadanya program latihan komprehensif. Mereka hanya belajar menjual melalui pengalaman sendiri, pengalaman rakan-rakan dan juga latihan daripada organisasi mereka yang hanya memberi tumpuan kepada pengetahuan produk dan tidak kepada cara menjual.

Memberi Nilai **Tambah** Kepada Jurujual

Inilah yang akan diperolehi oleh jurujual dan usahawan apabila menyertai CSPP – menjadi jurujual yang kompetitif di pasaran, bersaing dengan jujur dan professional dalam menjalankan tugas mereka. Mereka akan belajar, memahami dan mengaplikasi terus ilmu kejurujualan bagi tujuan kecemerlangan kerjaya dan perniagaan mereka.

Memperkasa **Jurujual**

Program ini bertujuan memperkasa jurujual melalui perkongsian ilmu pengetahuan dengan tenaga pengajar yang juga terdiri daripada jurujual berpengalaman di dalam industri mereka. CSPP juga bertujuan melengkapkan jurujual dan usahawan dengan kemahiran jualan yang betul untuk tujuan memperkasa perniagaan dan organisasi mereka.

Siapa **Yang Patut** Menyertai

- Usahawan
- Jurujual yang ingin mendalami kemahiran jualan
- Individu yang ingin menjadi jurujual

Ambilan **Program**

- Januari
- Mei
- September

Silibus **Teori** dan Praktikal

Program ini dijalankan secara separuh masa selama 3 bulan dengan kelas diadakan pada hujung minggu pada minggu pertama dan ketiga setiap bulan. Program ini dijalankan secara 'hands-on' (70%) dan teori (30%). Kelas adalah dalam bentuk seminar di mana kaedah pembelajaran berikut akan diberikan penekanan :

- Kajian kes
- Simulasi dan perbincangan
- Persembahan 'role-play'
- Latihan di lapangan

Kandungan **Kursus** CSPP

- Modul 1 Konsep, Praktis dan Amalan Jualan
- Modul 2 Proses dan Kemahiran Jualan Dalam Industri:
 - MLM
 - Perkhidmatan
 - Peruncitan
- Modul 3 NLP Dalam Jualan dan Penulisan Kandungan

Yuran **Pengajian**

Jumlah keseluruhan yuran : RM 3,000 . Bayaran yuran adalah mengikut modul dan boleh dibuat secara bulanan.

Lokasi **Program**

- Kuala Lumpur
- Sg Petani
- Kuala Terengganu

Manfaat **Program**

CSPP bertujuan untuk :

- Melahirkan jurujual profesional yang berpengetahuan, beretika, berdisiplin dan menjual dengan cara yang betul dan profesional.
- Memahami pendekatan dan teknik jualan dalam pelbagai industri.
- Menguasai ilmu kejurujualan secara komprehensif bagi tujuan kecemerlangan di dalam kerjaya dan perniagaan.
- Mengaplikasi terus ilmu yang dipelajari di dalam kelas terus ke lapangan.
- Mengiktiraf peranan jurujual di dalam organisasi dan bidang yang diceburinya.

Tenaga **Pengajar**

Tenaga pengajar terdiri daripada pengamal industri dan mereka yang berpengalaman dalam jualan. Peserta akan dapat berinteraksi terus dengan pakar dalam industri jualan semasa di dalam kelas.

Hubungi:

IIUM CENTRE FOR CONTINUING EDUCATION (ICCE)
Aras Bawah, Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim (AIKOL)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jalan Gombak, 53200, Kuala Lumpur
Tel: +603-6196 5444/5445/5446/5448

Fax: +603-6196 5778

Emel : info@icce.com.my

Laman web : www.icce.com.my